

Peguam Najib mengorak langkah ambil tindakan ke atas WSJ
The Malaysian Insider
July 8, 2015

Datuk Seri Najib Razak hari ini memulakan proses tindakan undang-undang bagi membersihkan namanya dalam skandal melibatkan berbilion ringgit ekoran pendedahan akhbar The Wall Street Journal (WSJ) minggu lepas, lapor The Star hari ini.

Peguam perdana menteri bagaimanapun berkata, sebelum memutuskan tindakan mereka seterusnya ke atas akhbar antarabangsa itu, mereka perlu mendapatkan semua fakta berkenaan laporan itu.

Ia termasuk mengenalpasti pihak yang disebut di dalam laporan itu, bidang kuasa perundangan dan penglibatan dalang konspirasi, kata peguam Wan Azmir Wan Majid bagi pihak firma Hafarizam Wan & Aisha Mubarak, seperti dipetik The Star.

"Ini bukan kes undang-undang yang jelas dan mudah kerana ia membabitkan dakwaan pihak tempatan dan antarabangsa. Kami diarah mengenalpasti fakta dan membentangkan kesemuanya, sebelum anak guam kami memberikan arahan seterusnya," kata Wan Azmir.

"Matlamat mendapatkan penjelasan terperinci adalah bagi mengelak sebarang bantahan daripada WSJ berkenaan tuduhan yang dibuat.

"Selepas anak guam kami mendapatkan kesemua fakta yang diperlukan dan kedudukan WSJ dipastikan, kami mendapat arahan jelas mengambil sebarang jalan dan penyelesaian undang-undang serta-merta."

Wan Azmir berkata langkah pertama dalam mengumpulkan fakta ialah dengan mengenalpasti mereka yang terlibat dalam penulisan, penyebaran dan penerbitan artikel itu, supaya mereka dapat dinamakan dalam sebarang tindakan susulan.

Isu kedua berkaitan bidang kuasa, memandangkan akhbar itu berasal dari Amerika Syarikat dan boleh diakses di seluruh dunia, katanya.

Menurut Wan Azmir, firmanya akan mendapatkan pengesahan lanjut mengenai kewujudan WSJ di Malaysia. – 8 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/peguam-najib-mengorak-langkah-ambil-tindakan-ke-atas-wsj>